

LATIHAN TATABAHASA PT3

Set
6

BAHAGIAN A

[25 markah]

1. Dalam setiap ayat di bawah ini terdapat **satu** kesalahan tatabahasa. Gariskan kesalahan bahasa tersebut dan **tulis jawapan** yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

(i) Nurul Ain mula berkobar-kobar ketika guru kelasnya mengumumkan keputusan peperiksaan akhir tahun.

(ii) Puan Hamidah berbual dengan jirannya sambil mendukung anak di atas ribanya.

(iii) Penduduk-penduduk di kawasan bandar raya lebih padat berbanding dengan jumlah penduduk kampung.

(iv) Sebuah motosikal berkuasa tinggi yang ditunggang laju telah terkandas lalu melanggar sebatang tiang lampu.

[8 markah]

2. Dalam setiap ayat di bawah ini terdapat **satu** kesalahan ejaan. Kenal pasti kesalahan tersebut dan **tulis ejaan** yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

(i) Lintah darat itu memperolehi keuntungan yang amat lumayan sekali hasil kegiatan pinjaman wang secara haram.

(ii) Semua ahli persatuan bersetuju dengan perlantikan Hashimah bte Ahmad sebagai pengerusi persatuan belia di kampung itu.

(iii) Galakkan dan dorongan daripada abangnya akhirnya menyebabkan tercapainya cita-cita Maznah menjadi seorang doktor haiwan.

[3 markah]

4. Isi tempat kosong di bawah dengan peribahasa yang sesuai.

- (i) _____ begitulah kisah yang terjadi kepada Geng Belang yang telah ditangkap oleh pihak polis setelah terlibat dalam kes-kes rompakan bersenjata di sekitar Kuala Lumpur sejak lima tahun yang lalu.
- (ii) Raju dianggap sebagai _____ pasukan hoki sekolahnya kerana kehebatannya menjaringkan gol.

[4 markah]